

Oleh Mohamed
Farid Noh
am@hmetro.com.my

LEBIH 50 TAN SISA DIBUANG DALAM SUNGAI DI JB

Sungai 'tong sampah' tenat

Johor Bahru

Sampah-sarap yang dibuang dalam sungai bandar raya ini semakin membimbangkan sehingga pernah mencapai kutipan 80 tan sebulan.

Mendedahkan perkara itu, Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Mohd Norazam Osman berkata, purata sampah yang dikutip agensi berkenaan di beberapa sungai utama, anak sungai serta saluran parit pinjam bandar raya ini pula adalah 50 tan pada setiap bulan.

Katanyanya, tahap kesedaran masyarakat yang masih tidak berubah kerana gemar membuang sampah-sarap dalam sungai mampu menimbulkan bencana terutama ban-

dir kilat.

"Isu sampah yang dibuang ke sungai-sungai di bandar raya ini membimbangkan kerana ia kekal konsisten banyak dan tiada pengurangan pun di sebalik pelbagai langkah pengutipan sampah dan aktiviti kesedaran awam yang dilakukan.

"Masyarakat yang tidak bertanggungjawab ini gagal memahami bahawa sungai bukan sahaja menjadi kawasan tebatan banjir yang mengalirkan air hujan sekiranya hujan lebat berlaku, malah ia sumber air utama kita.

"Apa yang paling dikesali hampir ke-

“
Isu sampah
yang dibuang
ke sungai-sungai
di bandar raya ini
membimbangkan
Mohd Norazam



SAMPAH-sarap yang dibuang dalam sungai di bandar raya Johor Bahru semakin membimbangkan. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN



SEGELINTIR masyarakat menjadikan sungai sebagai tong sampah.

banyak sampah-sarap yang dikutip adalah plastik hitam yang siap diikat menandakan segelintir masyarakat menganggap sungai sebagai tong sampah mereka," katanya pada sidang media selepas memengerusikan Mesyuarat Penuh MBBJ di Menara MBBJ di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Whip Ahli Majlis MBBJ, Datuk Mohamad Dolmat dan Timbalan Setiausaha MBBJ, Nazatul Shima Mohamad.

Terdahulu, Mohd Norazam menyeksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MBBJ bersama Jabatan Perairan dan Saliran

(JPS) Johor.

Mengulas lanjut, Mohd Norazam berkata MoU itu bagi membolehkan pelaksanaan kerja pelengkap untuk pencegahan banjir dalam kawasan MBBJ terutama bagi pembersihan sungai di bandar raya ini.

"Melalui MoU ini, MBBJ akan melaksanakan kerja pelengkap bagi pencegahan banjir seperti pembersihan kiambang di parit pinjam; pembersihan sampah-sarap dan penggalian di parit pinjam, sungai, Selat Johor dan kolam tadahan selain pembaikan tebing; penggantian dan pembaikan pagar keselamatan dan lain-lain mengikut keperluan dan kea-

daan semasa.

"Pelaksanaan kerja itu akan dilaksanakan di kawasan sungai, parit pinjam, Selat Johor dan kolam tadahan di bawah seliaan JPS Johor yang terletak di dalam kawasan pentadbiran MBBJ.

"Bagi sungai ia memabitkan Sungai Tebrau, Sungai Skudai, Sungai Plentong, Sungai Tiram, Sungai Danga dan Sungai Melayu.

"Parit Pinjam memabitkan Parit Pinjam Kampung Pasir, Parit Pinjam Kampung Sri Jaya dan Parit Pinjam Kampung Sri Serdang manakala, Selat Johor pula memabitkan Pantai Lido, Pantai Stulang dan Pantai Senibong," katanya.